

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH

KAWASAN : LEDANG

TARIKH : 25 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan semangat patriotik dan cintakan negara serta apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka yang mempertikaikan tugas dan tanggungjawab sultan, tentera, polis dan lain-lain.

JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PORNUSAMY, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL)

Yang di-Pertua,

Dalam usaha Kerajaan bagi meningkatkan semangat patriotik dan cintakan negara, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti berikut :

- (i) Menyemai nilai-nilai murni dan nilai-nilai kebersamaan kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik dan dibimbing mengenai kepelbagaian yang wujud di negara ini agar nilai-nilai murni dapat dipupuk dalam kalangan mereka sejak dari peringkat awal;

NO SOALAN : 7

- (ii) Pelbagai program dilaksanakan untuk menyemai rasa cinta akan negara dan memupuk semangat perpaduan dan keharmonian dalam kalangan generasi muda melalui penubuhan Kelab Rukun Negara (KRN) di peringkat sekolah dan Sekretariat Rukun Negara (SRN) di institusi pengajian tinggi awam dan swasta dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia;
- (iii) Aktiviti silang budaya seperti Kem Silang Budaya dan 1SRN 1Komuniti turut dilaksanakan melalui KRN dan SRN bagi memberi pendedahan, penerapan serta penghayatan terhadap prinsip Rukun Negara secara praktikal kepada generasi muda melalui penggunaan Modul Silang Budaya bagi menggalakkan interaksi dan komunikasi dalam amalan hidup seharian;
- (iv) Kerjasama strategik dan kolaborasi dengan Kementerian Pendidikan Malaysia terus digerakkan melalui Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) yang memberi tumpuan kepada pelaksanaan program mengikut kluster dan secara bersepadu bagi meningkatkan kefahaman dan penghayatan terhadap lima (5) Prinsip Rukun Negara;
- (v) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat swasta dan *Government Linked Companies* (GLCs) melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera dalam Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) yang merupakan satu platform bagi para mahasiswa lebih memahami mengenai kepelbagaian masyarakat Malaysia apabila melangkah ke dunia pekerjaan sebenar yang lebih mencabar;
- (vi) Mewujudkan jaringan kerjasama strategik dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO), badan-badan korporat, syarikat-syarikat swasta dan *Government Linked Companies* (GLCs) dalam melaksanakan program-program yang menyemarakkan semangat patriotisme seperti *Merdeka Fun Run, Run for Unity, Say Something Nice, Raising National Flag, Merdeka Fiesta, Konvoi Muhibah* yang bertujuan menyebarkan mesej dan slogan perpaduan dan cintakan negara.

NO SOALAN : 7

Pada masa yang sama, Kerajaan akan sentiasa mempertahankan kedaulatan Institusi Diraja serta tugas dan tanggungjawab pasukan tentera dan polis seperti yang termaktub dalam Perlembagaan dan undang-undang sedia ada. Sistem kenegaraan Malaysia ini telah berjalan dengan baik selama 62 tahun sehinggakan Malaysia telah maju ke depan melalui pembangunan yang pesat, mempunyai sistem pertahanan dan keselamatan negara yang baik dan telah menunjukkan prestasi yang baik dalam banyak aspek di persada antarabangsa, maka ini membuktikan bahawa semangat kesetiaan rakyat kepada Raja dan Negara dan kepercayaan rakyat terhadap badan-badan beruniform telah terpelihara sekian lama dan akan terus dimartabatkan di bawah Malaysia Baharu.

Kerajaan juga turut menggalakkan media massa supaya menyebarkan pemahaman mengenai Institusi Diraja, kerjaya tentera dan polis kepada rakyat agar Institusi dan pasukan beruniform ini sentiasa dihormati dan dipandang tinggi. Selain itu, kerajaan juga akan mendakwa di mahkamah di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa mana-mana pihak yang sengaja mempertikaikan tugas dan tanggungjawab sultan, tentera, polis dan lain-lain sehingga menimbulkan sensitiviti kaum dan agama dan membawa kepada kebencian, kebimbangan dan kegusaran rakyat dan perpecahan dalam negara.

Sekian, terima kasih.